

'Perluas industri halal Malaysia melangkaui pensijilan'

Bukit Mertajam: Malaysia mempunyai kekuatan dalam industri halal dan ia perlu diperluas melangkaui aspek pensijilan semata-mata, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, industri ini mempunyai potensi yang besar dengan nilai dagangan halal dunia mencecah berbilion dolar.

“Industri halal tidak hanya terhad kepada penyembelihan daging, malah ia turut berkaitan dengan sektor pembuatan, kosmetik dan sebagainya.

“Kita harus memandang serius bagaimana kita boleh angkat supaya kita dapat betul-betul menjadi pusat kegiatan industri halal termasuk kewangan Islam secara menyeluruh mengikut matlamat Maqasid Syariah,” katanya berucap pada Majlis Perasmian Ekspo Halal Antarabangsa Pulau Pinang semalam.

Dalam hal ini, Anwar berkata, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia perlu bekerjasama dengan agensi kerajaan lain termasuk Halal Development Corporation, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) supaya pengertian berkenaan industri ini lebih lengkap dan mantap khususnya dalam kalangan perusahan kecil dan sederhana.

Beliau berkata, dalam lawatannya ke pelbagai negara baru-baru ini, semua pemimpin negara berkenaan mahu bekerjasama dengan Malaysia untuk membangunkan industri halal mereka.

BERNAMA